

Cita-cita ialah hasrat yang hendak dilaksanakan.

Catat maklumat dalam peta grafik yang diberi. *THINK*

Hari ini, Cikgu Afani mengajar murid-muridnya seperti biasa. Topik yang diajarnya ialah cita-cita. Cikgu Afani meminta murid-muridnya memberitahu cita-cita mereka dan sebab memilih cita-cita tersebut.

Hadif : Cita-cita saya ialah hendak menjadi tentera. Tentera bertanggungjawab menjaga keselamatan negara, cikgu. Saya hendak meneruskan legasi keluarga. Datuk dan ayah saya merupakan pesara tentera.

Shalini : Saya hendak menjadi peguam, cikgu. Peguam dapat menegakkan keadilan. Saya mahu menjadi peguam yang berjaya.

Jit Wen : Cita-cita saya ialah hendak menjadi doktor. Doktor dapat merawat pesakit, cikgu. Mungkin saya dapat merawat cikgu suatu hari nanti.

Rajiv : Saya pula hendak menjadi bomba. Bomba bertanggungjawab memadam kebakaran. Setiap anggota bomba mempunyai semangat tinggi ketika bertugas.

Zara : Saya bercita-cita hendak menjadi guru seperti Cikgu Afani. Saya hendak melahirkan murid yang berilmu. Tugas sebagai guru sangat mulia.

Cikgu Afani : Cikgu bangga dengan kalian semua. Cikgu harap kalian dapat belajar dengan bersungguh-sungguh agar berjaya mencapai cita-cita tersebut.

1. Hadif

2. Shalini

3. Jit Wen

4. Rajiv

5. Zara

Cita-cita Saya